

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SEKOLAH BESTARI SMK SERI BINTANG SELATAN KUALA LUMPUR : SATU KAJIAN KES

ABDUL RAHIM BIN ABDUL JABBAR

DISERTASI/ PENULISAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH UAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**

PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

04.04.2010

ABDUL RAHIM BIN ABDUL JABBAR
M20071000089




DECLARATION

I hereby declare that the work in this writing is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge

04.04.2010

ABDUL RAHIM BIN ABDUL JABBAR
M20071000089




Penghargaan

Bismillahirrahmanirahim
Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Pertama sekali ingin saya panjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya telah menzahirkan kekuatan kepada saya untuk terus menyempurnakan penulisan ilmiah ini dengan jayanya.

'Sekalung Kasih'

Diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Haji Mohd Zaihidee Bin Arshad diatas segala bantuan dan tunjuk ajar yang telah diberikan tanpa rasa jemu sepanjang penulisan ini di jalankan. Pada hemat saya, tanpa bimbingan dan tunjuk ajar dari beliau sudah tentu penulisan ini gagal di sempurnakan.



Abdul Rahim Bin Abdul Jabbar
TanjongMalim

ABSTRAK

Kajian bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sebuah sekolah bandar berstatus bestari iaitu SMK Serf Bintang Selatan Kuala Lumpur. Tinjauan perbezaan persepsi dilakukan di kalangan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berdasarkan ciri-ciri demografi yang dipilih. Seterusnya kajian mengenal pasti sama ada terdapat perkaitan yang signifikan antara pelajar dengan faktor-faktor motivasi pelajar, faktor guru, ibubapa, rakan sebaya, sukatan pelajaran, peralatan, pentadbiran dan menentukan faktor utama terhadap permasalahan ini. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan tiga di sekolah berkaitan. Borang soal selidik yang digunakan iaitu bahagian A terdiri daripada 15 soalan yang berkaitan dengan data pelajar dan item mengukur persepsi pelajar. Manakala bahagian B terdiri daripada 15 item untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Analisis peratus digunakan bagi mengukur kekerapan jawapan pelajar. Kajian mendapati pelajar perempuan mempunyai persepsi positif berbanding dengan pelajar lelaki. Hasil kajian dijangkakan dapat memberi informasi tentang tahap persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan seterusnya memberi peluang kepada penulis untuk melakukan kajian yang sama di pelbagai tempat.

STUDENTS PERCEPTION TOWARDS VISUAL ARTS IN SMK SERI
BINTANG SELATAN A SMART SCHOOL IN KUALA LUMPUR
A CASE STUDY

ABSTRACT

This research was to identify the students' perception level towards visual arts in SMK Seri Bintang Selatan, a Smart School in Kuala Lumpur. The different perception of the students towards visual arts subject was done based on the chosen demographic traits. The research also aimed at determining if there was a significant relationship between students and the factors that motivate them, (teachers, parents, peers, tools, syllabus, and administration) and identified the main factors for this problem. The sampling for the research consists of 60 students from the selected school and instrument used was questionnaire which comprised of two sections A and B. The section A consists of 15 questions pertaining demographic information of the students and items to measure students' perception. Whereas, section B was made up of 15 items that determines the factors that influences students' perception towards visual arts. The frequency of students' response was measured by analyzing percentages. It was found that girls have positive perception compared to boys. The findings of the research were expected to provide information on the level of students' perception toward visual arts. Subsequently, this will give opportunity for the researcher to undertake a similar research in various places.

Kandungan**Muka Surat**

PENAKUAN/DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi

BAB I PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Kajian	1
1.2. Pemyataan Masalah Kajian	5
1.3. Persoalan Kajian.....	7
1.4. Tujuan Kajian	7
1.5. Batasan Kajian	8
1.6. Signifikan Kajian	9
1.7. Organisasi Laporan Kajian.....	9
1.8. Definisi Operasional.....	11
1.8.1 Persepsi	11
1.8.2 Pelajar.....	14
1.8.3 Pendidikan	14
1.8.4 Seni.....	15
1.8.5 Pendidikan Seni.....	16
1.8.6 Sekolah Bestari.....	17
1.8.7 Kemahiran	18

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1. Teori Persepsi.....	20
2.2. Kemahiran Berfikir di dalam Membentuk Persepsi Pelajar.....	23
2.3. Sikap Manusia.....	24
2.4. Pembentukan Persepsi.....	26
2.5. Kajian Berkaitan Sekolah Bestari.....	30

BAB III METODOLOGI

3.1. Pendekatan Kajian.....	32
3.2. Reka Bentuk dan Strategi Kajian.....	33
3.3. Fokus Kajian.....	34
3.4. Sumber Data.....	34
3.5. Teknik Pengumpulan Data.....	34
3.6. Kesahan Data.....	36
3.7. Teknik Analisis Data.....	36

BAB IV DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1. Gambaran Umum SMK Seri Bintang Selatan.....	38
4.2. Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual di SMK Seri Bintang Selatan.....	38
4.3. Persepsi Responden Lelaki dan Perempuan.....	40
terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual	

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual

Sebaya Semasa Aktiviti Pendidikan Seni Visual

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN



1. Jadual 1 :	Persepsi tidak setuju dan setuju lelaki terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	40
2. Jadual 2 :	Persepsi tidak setuju dan setuju perempuan terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	41
3. Jadual 3 :	Persepsi tidak setuju dan setuju lelaki terhadap sukatan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	42
4. Jadual 4:	Persepsi tidak setuju dan setuju perempuan terhadap sukatan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	42
5. Jadual 5 :	Persepsi tidak setuju dan setuju lelaki terhadap guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual	44
6. Jadual 6 :	Persepsi tidak setuju dan setuju perempuan terhadap guru Pendidikan Seni Visual	45
7. Jadual 7 :	Persepsi Responden lelaki terhadap rakan sebaya	46
8. Jadual 8 :	Persepsi Responden perempuan terhadap rakan sebaya	46
9. Jadual 9 :	Persepsi Responden Lelaki terhadap Alatan	47
10. Jadual 10 :	Persepsi Responden Perempuan terhadap Alatan	48
11. Jadual 11:	Persepsi Responden Lelaki terhadap Ibu bapa	48
12. Jadual 12 :	Persepsi Responden perempuan terhadap Ibu bapa	49
13. Jadual 13:	Persepsi Responden Lelaki terhadap Pentadbir	49
14. Jadual 14:	Persepsi Responden Perempuan terhadap Pentadbir	50

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 1 : Lukisan mural untuk sains yang dihasilkan oleh pelajar seni.	60
Rajah 2 : Deretan mural sains yang dihasilkan oleh pelajar seni.	61
Rajah 3 : Mural yang dihasilkan oleh pelajar tingkatan 1.	61
Rajah 4 : Mural yang dihasilkan oleh pelajar tingkatan 3.	62
Rajah 5 : Mural yang dihasilkan oleh pelajar tingkatan 1 dan 2.	62
Rajah 6 : Mural yang dihasilkan oleh Kelab Seni Kreatif.	63
Rajah 7 : Mural yang dihasilkan oleh guru seni.	63
Rajah 8 : Kawasan pejalan kaki yang dihiasi mural.	64
Rajah 9 : Painting Kolaj yang dihasilkan oleh guru seni.	64
Rajah 10 : Kolaj yang dihasilkan oleh pelajar untuk Kelab Bahasa Melayu.	65
Rajah 11: Kolaj Persatuan Bahasa Melayu.	65
Rajah 12: Mural pada tiang sekolah.	66
Rajah 13 : Pertandingan melukis mural.	66
Rajah 14 : Laluan masuk ke tandas.	67
Rajah 15 : Mural di dalam tandas lelaki.	67
Rajah 16: Laluan ke tandas.	68
Rajah 17 : Mural dalam tandas perempuan.	68
Rajah 18 : Mural dalam tandas perempuan.	69


Rajah 19 : Seni ada di mana-mana69

Rajah 20: Lukisan di dalam bilik Pengetua70

Rajah 21 : Lukisan di dalam bilik Penolong Kanan.....70

Rajah 22: Lukisan di dalam bilik guru.....71

Rajah 23 : Lukisan di dalam bilik guru.....71



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Seni Visual adalah salah satu mata pelajaran yang penting di dalam melahirkan generasi kreatif serta mampu untuk bersaing di peringkat global. Oleh itu cita-cita murni ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermaksud:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

Pendidikan Seni Visual dalam sukatan pelajaran sekolah menengah yang digubal pada tahun 1999, telah menggantikan nama Pendidikan Seni yang terdahulu. Perubahan ini lebih sesuai kerana dalam hubungan seni di sekolah, Pendidikan Seni lebih menjurus kepada seni tampak atau visual dan tidak merujuk kepada seni lain seperti seni muzik, seni sastera, seni tari, seni mempertahankan diri dan sebagainya.

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual ditujukan kepada perkembangan mutu peribadi pelajar, melalui perkembangan daya estetik, kreatif dan persepsinya. Aktiviti-aktiviti seni dijalankan dalam konteks seni lukis dan kraf yang berasaskan seni dalam persekitaran, seni tempatan dan seni kebangsaan. Ianya juga bertujuan melahirkan individu yang berbudaya, iaitu yang mengamalkan pertimbangan kesenian dan kesempurnaan dalam urusan hidupnya serta mengenali dan menghargai sumbangan seni kepada warisan budaya dan identiti bangsa. Kegiatan-kegiatan gubahan dan kajian pengamatan melalui proses inkuiri adalah dititikberatkan. Aspek mencuba dan mereka cipta dijadikan teras untuk pelbagai kegiatan seni. Melalui proses-proses penghasilan dan analisis seni, pelajar-pelajar berpeluang membuat sintesis pengalaman untuk menjadikannya seorang yang yakin berhubung melalui seni (Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas, Ea Ah Meng 2003).

Pendidikan seni juga selari dengan konsep pembelajaran seumur hidup (learning throughout life) yang dikatakan sebagai salah satu syarat untuk menghadapi dunia abad ke-21. Pendidikan Seni Visual merupakan satu disiplin yang mengaplikasikan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
ilmu dengan kemahiran. Pelajar belajar melalui tindakan membuat yang kemudiannya
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
kelak dapat dilanjutkan kepada belajar menghasilkan dan belajar menghasilkan bersama,
apabila tiba masanya untuk berada dalam masyarakat dan pasaran kerja. Asas ini dibina
dalam pengajaran Pendidikan Seni Visual terutamanya dalam membuat pemikiran tinggi
(Mat Desa, 2000).

Seni adalah sebahagian daripada kebudayaan sesuatu masyarakat, kerana ia adalah penjelmaan kepada beberapa bahagian seni, sikap dan kepercayaan sesuatu masyarakat menerusi hasil seni. Sebenarnya seseorang itu boleh mempelajari sesuatu yang unik terhadap sesuatu masyarakat. Masyarakat pula boleh melahirkan sesuatu nilai dan kepercayaannya menerusi seni. Inti kehidupan mereka dan peranan mereka di dalam kehidupan seharian sering dijadikan sebahagian dari bahan atau tajuk utama di dalam karya-karya yang dihasilkan (Mc Fee 1972).

Persepsi manusia bukanlah sesuatu yang lazim, kerana ia tidak berlaku secara automatik. Ia tidak terjadi dengan hanya kita membuka mata, merasa sesuatu atau mendengar bunyi-bunyian yang berada di alam ini. Persepsi adalah satu proses yang melebihi tahap pendaftaran ransangan-ransangan yang diberikan kepada kita semua. Secara amnya, persepsi adalah proses mengetahui objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang objektif melalui keterkaitan (Chaplin, 1985).

Atkinson & Hilgard (1983) membezakan persepsi dengan keterkaitan dan mereka menyatakan yang persepsi ialah suatu fenomena di mana kaitan diantara ransangan dengan pengalaman adalah jauh lebih kompleks daripada fenomena yang terdapat di dalam keterkaitan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Justeru itu Pendidikan Seni Visual bukanlah untuk menjadikan seseorang pelajar sebagai pengkarya atau pengiat seni sahaja, tetapi juga sebagai pemerhati atau penggemar yang boleh menjadi pelanggan kepada penggiat seni. Pelanggan yang dimaksudkan ialah pelanggan yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan estetik yang baik (Iberahim, 2000).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Walau bagaimanapun masyarakat sering menyebut perkataan "seni", menyebutnya dengan agak selesa, umpamanya di rurnah, sekolah, universiti, di firma-firma dan sebagainya. Kita juga tidak ragu-ragu menyebut seni lukis, seni rupa, seni tari, seni tampak dan bermacam-macam cabang seni lagi. Kesemua ini membawa kepada bagaimana seni itu disalurkan, serta diperkembangkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Apabila kita berbicara tentang Pendidikan Seni Visual, rata-rata pelajar sekolah menengah menganggap mata pelajaran ini tidak begitu penting untuk dipelajari secara serius. Bagi mereka mata pelajaran ini adalah mata pelajaran kelas kedua. Pendek kata peluang-peluang kerjaya yang ditawarkan tidak setanding dengan bidang-bidang yang berasaskan Sains dan Matematik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Persepsi sebegini bukan sahaja menghantui pemikiran golongan pelajar malah ibu bapa sendiri menjadi pendorong kepada terpinggimya mata pelajaran ini. Ibu bapa lebih cenderung untuk mengarahkan anak-anak mereka ke arah bidang Sains dan Matematik walaupun anak-anak mereka meminati Pendidikan Seni Visual.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Pendidikan Seni Visual bertujuan memberi peluang kepada pelajar di dalam memupuk minat, memperkembangkan keperibadian, memberi kesedaran dan kepekaan terhadap nilai-nilai kesenian dan menghargai alam sekitar. Pendidikan Seni Visual memainkan peranan memperkembangkan sifat-sifat ini melalui persepsi visual, imaginasi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

dan daya pemikiran, penerokaan terhadap reka bentuk dalam pelbagai jenis visual sekaligus diterjemahkan melalui media secara visual didalam menyatakan idea dan ekspresi diri. Pengalaman sebegini begitu penting kerana ia mampu membentuk keyakinan diri, membuat penilaian dan mengenali cita rasa pelajar itu sendiri.

Seniman seni peka terhadap apa yang berlaku disekeliling, lantas peristiwa itu dipetik dan direkodkan dalam bentuk seni. Masyarakat haruslah mempunyai sikap positif, adil dan membuat pengamatan yang tajam disertai oleh pemikiran yang kritikal terhadap sesuatu hasil seni, tidak sekadar memerhati tanpa dijana oleh pemikiran yang kritis.

Memandangkan Pendidikan Seni Visual banyak memberi sumbangan kepada kehidupan masyarakat, namun usaha pihak berwajib bagi memartabatkan mata pelajaran ini di sekolah berstatus bestari masih lagi belum mencapai sasaran.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Mata pelajaran Pendidikan Seni Visual telah diajar dan didedahkan kepada pelajar dari peringkat sekolah rendah lagi. Bermula daripada Seni Lukis dan Pertukangan Tangan dalam kurikulum lama sekolah menengah (KLSM) tahun 1973 kepada Pendidikan Seni dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 dan seterusnya Pendidikan Seni Visual pada tahun 2002, telah memberi kesan yang jelas kepada matlamat dan objektif keseluruhan mata pelajaran ini.

Sistem sekolah bestari yang dirancang telah banyak memberi penekanan terhadap pengaplikasian ICT dan Multimedia di dalam pembelajaran. Pelajar banyak didedahkan dengan penggunaan media elektronik di dalam menghasilkan sesuatu tugas yang telah diberikan. Ianya memberi kesan kepada kemampuan psikomotor pelajar. Pekara ini jelas dapat dilihat di dalam matlamat dan objektif sekolah bestari yang telah digariskan antaranya menghasilkan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan dan mahir dalam bidang sains dan teknologi.

Penekanan terhadap mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Inggeris secara maksimum adalah agenda utama yang dirancang agar sesebuah sekolah itu kekal bestarinya. Oleh yang demikian pelajar yang diterima masuk ke sekolah ini berdasarkan beberapa tapisan antaranya mempunyai keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan UPSR dan PMR.

Walau bagaimanapun, kemasukan pelajar ke sekolah bestari tidak menjurus kepada kemahiran yang berkaitan psikomotor seperti dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tidak difokuskan, implikasinya mata pelajaran tersebut tidak diberi penekanan sebagai sumbangan kepada objektif sekolah bestari. Pelajar yang berminat tidak mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Persoalan kajian yang utama dalam penyelidikan ini dinyatakan seperti berikut, iaitu:

- 1.3.1 Apakah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah bestari SMK Seri Bintang Selatan Kuala Lumpur.
- 1.3.2 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual
- 1.3.3 Adakah penggunaan ICT di dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bersesuaian dengan kehendak pelajar di SMK Seri Bintang Selatan.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji sejauh mana persepsi pelajar yang belajar di sekolah bestari SMK Seri Bintang Selatan Kuala Lumpur terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar, adakah sistem pengelolalaa bestari berjaya menarik minat pelajar mendalami mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

Kefahaman yang menyeluruh terhadap masalah yang dirumuskan bertujuan untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah bestari SMK Seri Bintang Selatan.

1.4.2 Menilai faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.4.3 Mengenal pasti adakah penggunaan ICT di dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bertepatan dengan kehadak diri pelajar.

1.5 Batasan Kajian

Kajian dijalankan di SMK Serf Bintang Selatan, Kuala Lumpur sebuah sekolah bestari yang melibatkan 60 orang pelajar di tingkatan 3. Sekolah ini dipilih kerana pengkaji adalah seorang tenaga pengajar, oleh yang demikian pemilihan sekolah ini akan memudahkan pengkaji mendapatkan kebenaran seterusnya melancarkan lagi proses penyelidikan. Skop penyelidikan terbatas kepada sampel yang mewakili populasi yang kecil sahaja. Ketepatan hasil penyelidikan ini bergantung kepada keikhlasan maklum balas pelajar yang diberikan responden terhadap item-item dalam borang soal selidik. Dapatan penyelidikan ini tidak dapat diinferenskan kepada keseluruhan pelajar di Malaysia.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual serta informasi dan pengetahuan tambahan kepada bakal atau warga pendidik khususnya, dalam bidang seni atau yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah juga pengurusan sekolah, ibubapa dan pelajar agar mampu merancang serta mengenal pasti potensi dan minat pelajar, sekali gus merapatkan jurang yang terhasil daripada agenda sedia ada agar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual selari dengan mata pelajaran lain.

1.7 Organisasi Laporan Kajian

Kajian ini disusun dengan sistematik penulisan seperti berikut:

Bab I di huraikan mengenai latar belakang kajian yang mengetengahkan beberapa pertimbangan atau alasan tentang pentingnya dilaksanakan penyelidikan ini berlandaskan persepsi pelajar di sekolah bestari SMK Seri Bintang Selatan terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual . Seterusnya Bab I ini juga menghuraikan pernyataan masalah kajian, tujuan kajian, persoalan kajian yang ingin di jawab, serta kepentingan kajian disusun secara sistematik untuk tujuan penulisan ini.

Bab II pula menghuraikan konsep-konsep yang telah digunakan, meliputi teori persepsi, kemahiran-kemahiran berfikir di dalam membentuk persepsi pelajar, kajian

persepsi mengenai sikap pelajar, persepsi guru dan pentadbir, persepsi ibu bapa dan masyarakat dan juga disediakan kerangka teori persepsi.

Bab III pula dihuraikan berkenaan metodologi penyelidikan yang telah digunakan, yang merangkumi huraian tentang pendekatan kajian, reka bentuk dan strategi kajian, fokus kajian, sumber data, teknik pengumpulan data, kesahan data dan teknik analisis data. Huraian tentang metodologi penyelidikan adalah kaedah yang digunakan bagi mengumpulkan data untuk dianalisis.

Bab IV menghuraikan hasil penyelidikan, dapatan dan perbincangan yang merangkumi gambaran umum sekolah bestari SMK Serf Bintang Selatan Kuala Lumpur. Sejarah sekolah serta perkembangan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di sekolah berkenaan. Bab ini juga menghuraikan persepsi responden lelaki dan perempuan terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, persepsi responden terhadap sukatan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, persepsi responden terhadap guru mata pelajaran Pendidikan Seni Visual, persepsi responden terhadap rakan sebaya semasa aktiviti dijalankan serta persepsi responden terhadap pentadbir sekolah dan ibu bapa. Di akhir Bab IV dihuraikan hasil perbincangan dan analisis yang diperolehi.

Akhirnya, dalam Bab V diunjurkan kesimpulan dan cadangan penyelidikan secara ringkas bagi menjawab permasalahan yang di utarakan serta memberi beberapa cadangan terhadap langkah-langkah yang difikirkan perlu di laksanakan bagi menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.

1.8 Definisi Operasional, Konsep dan Pengertian

1.8.1 Persepsi

Persepsi didefinisikan oleh Chaplin (1985) sebagai proses mengetahui objek-objek dan peristiwa-peristiwa yang objektif melalui kederiaan. Beliau juga mengatakan bahawa persepsi ialah kesedaran tentang proses-proses organik. Ini bermakna persepsi tidak hanya tertumpu kepada alam luaran sahaja, malah ia boleh juga sedar tentang proses-proses fisiologikal serta perkara-perkara dalam jiwa manusia.

Atkinson & Hilgard (1983) membezakan persepsi dengan kederiaan dan mereka menyatakan yang persepsi adalah suatu fenomena di mana kaitan di antara ransangan dengan pengalaman adalah jauh lebih kompleks daripada fenomena yang terdapat di dalam kederiaan. Fenomena persepsi adalah tertakluk kepada proses-proses tahap tinggi.

Pakar-pakar psikologi ulung yang mengkaji fenomena persepsi secara sistematik adalah daripada aliran pemikiran psikologi Gestalt. Perkataan Gestalt adalah satu perkataan bahasa German yang sememangnya bahasa lain tidak mempunyai perkataan yang sama. Pengertian yang paling dekat kepada perkataan Gestalt ialah keseluruhan, kepenuhan dan kesempurnaan. Pendekatan ini amat mementingkan konsep bahawa persepsi kepada gabungan bahagian sesuatu yang seluruh iaitu secara keseluruhan. Ini kerana pada pendapat mereka, adalah mustahak bagi pakar-pakar psikologi memahami bagaimana manusia mengorganisasikan ransangan ke dalam satu bentuk keseluruhan yang bermakna (Mohmood Nizar Mohamed, 1990 : 83).

Para psikologi sering bertanya sama ada kebolehan persepsi itu telah sedia ada

semasa bayi dilahirkan ataupun diperoleh daripada pengalaman dan pembelajaran. Perkara ini telah menjadi pokok persoalan sejak dahulu lagi. Pakar-pakar Empirisme seperti Berkeley dan Locke menegaskan yang kebolehan persepsi manusia hanya diperolehi melalui pengalaman. Sebaliknya, ahli-ahli falsafah Nativis seperti Rene Descartes menyarankan bahawa kebolehan persepsi manusia adalah berlaku sejak dilahirkan ke dunia. Ahli-ahli psikologis kontemporari pula mengambil jalan tengah dan mengatakan yang campuran kedua-duanya adalah perlu bagi perkembangan persepsi manusia (Mohmood Nizar Mohamed, 1990 : 83).

Setiap manusia mempunyai kebolehan yang tersendiri, lain daripada yang lain. Pada masa yang sama, kebolehan manusia untuk mencapai kesempumaan adalah berbeza. Walau bagaimanapun, ada beberapa suasana atau keadaan yang dapat membantu manusia untuk berkembang secara positif. Amir Awang (1987) mencatatkan tiga suasana tersebut, iaitu kejujuran, keikhlasan dan kebenaran.

Devito (1978), mendefinisikan persepsi sebagai satu proses yang memberi kesedaran kepada individu tentang objek atau peristiwa di luar diri melalui sistem kederiaan seperti penglihatan, hidu, rasa, sentuhan dan pendengaran. Proses pembentukan persepsi seseorang melalui tiga tahap iaitu *Sensory Stimulations Occurs*, sesuatu yang manusia persepsikan hanya sebahagian kecil daripada keseluruhan ransangan yang diterima. Setiap ransangan yang diterima oleh seseorang itu mempunyai batas-batas tertentu. *Sensory Stimulations is Organised* ialah ransangan yang diterima, disusun atau di organisasikan berdasarkan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh psikologi Gestalt. iaitu Proximity-Resemblance, Good Form, Closure dan Common Fate. Dan yang ketiga